

# **GARIS PANDUAN BAGI MEMBENDUNG PENULARAN PENYAKIT INFLUENZA A (H1N1) DI TEMPAT KERJA**

## **1. TUJUAN**

1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk:

1.1.1 menerangkan konsep pembendungan penularan Influenza A (H1N1) di **Tempat Kerja** seperti yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); dan

1.1.2 menggariskan peranan dan tanggungjawab sektor tertentu bagi membendung penularan penyakit berjangkit di **Tempat Kerja** tersebut, seperti berikut:

- i) **Majikan; dan**
- ii) **Pekerja.**

## **2. LATAR BELAKANG**

2.1 Pada 11 Jun 2009, *World Health Organisation* telah mengisytiharkan peningkatan amaran dari Fasa 5 kepada Fasa 6 apabila **Pandemik H1N1 2009** telah merebak secara berleluasa dan penularan lanjut tidak dapat dielakkan.

2.2 Berdasarkan *trend* global dan situasi dalam negara, penularan tersebut didapati tidak dapat dielakkan, namun dapat diperlahankan penularannya supaya dapat mengurangkan beban kemasukan pesakit positif Influenza A (H1N1) dan pesakit-pesakit yang kronik dapat diberikan rawatan yang sewajarnya. Langkah-langkah peredaan yang diambil termasuklah membendung penularan penyakit berjangkit di **Tempat Kerja**.

2.3 Konsep “**home monitoring**” yang dimaksudkan oleh KKM bertujuan bagi mengurang atau mengelakkan aktiviti-aktiviti sosial yang memungkinkan penularan jangkitan berlaku di kalangan **Pekerja** di **Tempat Kerja**.

2.4 Walau bagaimanapun, konsep tersebut sering disalahertikan oleh Pekerja terlibat dalam penutupan Tempat Kerja tersebut. Pekerja yang terlibat didapati tidak mengikuti nasihat isolasi di rumah, tetapi keluar untuk aktiviti sosial. Tindakan ini menyebabkan penularan tersebut semakin berkembang ke kawasan-kawasan lain dan ia memberikan kesan/ gangguan kepada pelbagai aktiviti seperti urus niaga, perkhidmatan penting dan sebagainya.

### 3. KONSEP PEMBENDUNGAN

- 3.1 KKM menjelaskan bahawa di peringkat **peredaan**, **konsep pembendungan** ini meliputi pengurangan atau mengelakkan aktiviti-aktiviti **sosial** seperti **perhimpunan** yang memungkinkan penularan jangkitan berlaku di kalangan **Pekerja** di **Tempat Kerja**.
- 3.2 Selain itu, **Pekerja** yang mempunyai simptom *Influenza-Like Illness* (ILI) sepatutnya mengasingkan diri di rumah dan menjarakkan diri sekurang-kurangnya 1 meter daripada **orang** lain.
- 3.3 **Majikan** bertanggungjawab melaksanakan langkah-langkah pembendungan termasuk pengesanan dan pengasingan mengikut kesedaran sendiri walaupun tanpa arahan daripada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD). **Majikan** perlu melaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) sekiranya terdapat kenaikan jumlah **Pekerja** yang sakit (melalui pemeriksaan suhu badan) dan ketidakhadiran yang luar biasa akibat simptom ILI.
- 3.4 Sekiranya **Majikan** berpendapat bahawa keadaan bertambah teruk, penutupan **Tempat Kerja** boleh dilakukan dengan nasihat daripada PKD.

### 4. TEMPAT KERJA YANG BOLEH MENGGUNAPAKAI GARIS PANDUAN INI

- 4.1 Semua tempat kerja termasuk pejabat/ kilang/ restoran/ hotel dan lain-lain tempat kerja.

### 5. SIMPTOM PEKERJA YANG DIJANGKITI INFLUENZA A (H1N1) DAN INFLUENZA-LIKE ILLNESS (ILI)

#### 5.1 Simptom Ringan

- 5.1.1 Demam;
- 5.1.2 Batuk tanpa kahak;
- 5.1.3 Sakit tekak;
- 5.1.4 Sakit kepala; dan
- 5.1.5 Sakit badan;

#### 5.2 Simptom Serius

- 5.2.1 Masalah pernafasan: sesak nafas, semput, warna bibir bertukar menjadi biru/ ungu;
- 5.2.2 Batuk berdarah atau kahak berdarah;
- 5.2.3 Sakit dada berterusan;
- 5.2.4 Cirit-birit dan muntah yang kerap
- 5.2.5 Demam berterusan melebihi 3 hari ataupun demam berulang selepas tiga hari pulih;
- 5.2.6 Berkelakuan tidak normal, keliru, kurang responsif kepada rangsangan atau sawan;
- 5.2.7 Rasa pening apabila berdiri; dan
- 5.2.8 Kurang kencing.

## 6. TINDAKAN OLEH SEKTOR TERTENTU DALAM PROSES PEMBENDUNGAN DI TEMPAT KERJA

### 6.1 Peranan Majikan

- 6.1.1 memberikan penerangan/ kesedaran secukupnya kepada semua **Pekerja** mengenai penyakit Influenza A (H1N1) dan langkah-langkah pencegahan yang patut diambil oleh mereka;
- 6.1.2 menjalankan pengesanan, pengasingan dan pencegahan atas inisiatif sendiri tanpa arahan daripada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) iaitu dengan perolehan peralatan seperti termometer, topeng muka, cecair pembersih tangan dan menyediakan bilik pengasingan sementara;
- 6.1.3 mengambil langkah-langkah pengesanan dengan pemeriksaan suhu badan menggunakan termometer pada permulaan hari semasa mengetik waktu masuk atau sebelum memulakan tugas;
- 6.1.4 mengasingkan **Pekerja** yang didapati tidak sihat dan mempunyai simptom ILI di bilik pengasingan sementara, diberikan topeng muka dan menasihatkan supaya membuat pemeriksaan kesihatan lanjut di klinik atau hospital;
- 6.1.5 memastikan **Pekerja** yang mempunyai simptom ILI yang ringan dan berupaya menjalankan tugas, memakai topeng muka, diasingkan daripada Pekerja yang lain dan menjaga kebersihan diri;
- 6.1.6 menganalisa ketidakhadiran yang luar biasa akibat simptom ILI dan melaporkan kepada PKD terhadap situasi tersebut; dan
- 6.1.7 mempertimbangkan cuti tanpa rekod kepada Pekerja yang merupakan penjaga (ibu atau bapa) kepada anak yang disahkan positif Influenza A (H1N1);
- 6.1.8 memastikan Tempat Kerja seperti kaunter, permukaan meja, pemegang pintu, *hand rails* menggunakan sabun/ detergen secara berkala;
- 6.1.9 menyediakan Pelan Penyambungan Perniagaan (*Business Continuity Plan*) bagi menghadapi situasi kritikal.

### 6.2 Peranan Pekerja

- 6.2.1 memaklumkan kepada **Majikan** sekiranya terdapat simptom seperti demam, batuk, sakit tekak, sesak nafas, sakit kepala, sakit dada/ badan dan sebagainya dan seterusnya membuat pemeriksaan kesihatan lanjut di klinik atau hospital;

- 6.2.2 sekiranya mempunyai faktor risiko seperti penyakit kronik (asma, diabetes, dll), hamil, imuniti rendah, obes dan sebagainya perlu mengambil langkah pencegahan seperti memakai topeng muka jika berada di tempat sesak;
- 6.2.3 mematuhi arahan pengasingan dan menjauhi tempat sesak;
- 6.2.4 mengamalkan etika batuk dan bersin dan membuang tisu yang telah digunakan di dalam tong sampah;
- 6.2.5 menjaga kesihatan dan kebersihan diri; dan
- 6.2.6 memakai topeng muka jika mempunyai simptom ILI.

## 7. PENUTUP

- 7.1 Konsep pembendungan penularan penyakit di **tempat kerja** memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuk **Majikan** serta **Pekerja**.

**Majlis Keselamatan Negara  
Jabatan Perdana Menteri  
Ogos 2009**